

## UMP cemerlang

UNIVERSITI Malaysia Pahang (UMP) terus mencipta kecemerlangan dengan meraih dua pingat emas, dua pingat perak dan tiga pingat gangsa dalam Pameran Bio Technology Asia 2014 yang diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Kuala Lumpur baru-baru ini.

Dua pingat emas diraih penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKKSA) iaitu Prof. Madya Dr. Arun Gupta dengan projek penyelidikan yang bertajuk *Formulation Of Wound Healing Hydrogel From Keratin Protein* bagi penghasilan hydrogel penyembuh luka daripada bahan protein keratin.

Seorang lagi adalah Prof. Madya Dr. Ghazi Faisal Najmuldeen dengan penyelidikan *Microwave-Assisted Extraction Of Castor Seeds And Transesterification Of The Produced Oil To Produce Second Generation Biodiesel Using A Novel Catalyst* berkaitan penghasilan Biodiesel dengan menggunakan biji pokok castor.

Manakala pingat perak diperolehi Prof. Madya Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim dari FKKSA menerusi projek penyelidikan XYMAS iaitu penyelidikan penghasilan gula xylitol yang rendah kalori sebagai anti kavititi dan bahan dalam produk pemakanan.

Satu lagi penyelidikan beliau bertajuk



**PENYELIDIK UMP yang memenangi dua pingat emas, dua pingat perak dan tiga pingat gangsa dalam Pameran Bio Technology Asia 2014 yang diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Kuala Lumpur, baru-baru ini.**

*The Production Of Fructo-Oligosaccharides By Sawdust Immobilization* juga diiktiraf dan meraih pingat gangsa. "Penyelidikan ini berkaitan penghasilan probiotik untuk kesihatan sistem penghadaman dalam tubuh badan manusia," katanya.

Dalam pada itu, kajian Dr. Nina Suhaity Azmi dari Fakulti Sains dan Teknologi Industri (FSTI) bertajuk *GAGS: Sugar From Seabass Waste For Healthy Bones* juga menang pingat perak. Penyelidikan ini berkaitan sisa ikan siakap yang digunakan untuk rawatan penyakit osteoarthritis.

Pingat gangsa turut diraih pensyarah dari FSTI, iaitu Profesor Madya Dr. Saiful Nizam Tajuddin dengan tajuk *High Quality*

*Agarwood Tea Extraction* yang berkaitan dengan penghasilan teh yang berkualiti dari pokok gaharu.

Dr. Chong Kwok Feng juga menang pingat gangsa dengan penyelidikan bertajuk *DNA Biosensor For E.Coli Detection* iaitu penghasilan alat pengesan yang efektif untuk mengenalpasti kehadiran awal bakteria E. COLI dalam industri pemakanan.

Lain-lain projek yang dipertandingkan ialah projek penyelidikan Dr. Fathima Shahita dari Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI) iaitu *Nanostructured Materials From Hydroxyethyl Cellulose For Skin Tissue Engineering* dan juga

projek penyelidikan Prof. Madya Dr. Md. Maksudur Rahman Khan dari FKKSA dengan tajuk *Development Of New Adhesive Formulation With Bioresin And Waste Rubber Powder*.

UMP turut berbangga apabila dianugerahkan tempat kedua bagi kategori Rekabentuk Booth Pameran Terbaik dalam penganjuran kali ini.

Pameran Bio Technology Asia 2014 ini adalah merupakan pameran siri keempat yang dianjurkan semula di bawah Protamp Sdn. Bhd. yang telah menarik penyertaan lebih daripada 50 buah universiti dan agensi kerajaan serta swasta dalam dan luar negara.